

Takafulink Wanita

Penghargaan Tertinggi Bagi Wanita



TAKAFULINK WANITA

Anda ialah lambang cinta, sebagai seorang ibu, seorang isteri, seorang anak, seorang sahabat dan seumpamanya.

Anda dihargai, dikagumi dan dihormati atas keberanian dan keteguhan dalam setiap peranan, cabaran dan kesulitan hidup. Anda berhak untuk dihargai dengan perlindungan terbaik yang memberi ketenangan dari segi kewangan kepada setiap wanita.

Satu-Satunya TAKAFULINK WANITA

Takafulink Wanita adalah Pelan Caruman Lazim Takaful Keluarga Berkaitan Pelaburan yang berakhir apabila Orang Yang Dilindungi mencecah umur 80¹ tahun. Produk ini adalah produk unik yang menawarkan manfaat perlindungan dan juga manfaat pelaburan. Sebahagian daripada jumlah caruman anda diperuntukkan untuk membeli unit di mana-mana Dana Syariah Zurich Takaful mengikut dana pilihan anda. Nilai Sijil Takafulink Wanita adalah tertakluk kepada harga unit yang disandarkan, di mana ia adalah tertakluk kepada prestasi Dana Syariah Zurich Takaful yang telah dipilih oleh anda.

Dengan Takafulink Wanita, terdapat 3 pilihan* tersedia untuk pelanggan, Takafulink Wanita dengan Tempoh Fleksibel, Takafulink Wanita dengan kadar kenaikan berkala ke atas Jumlah Asas Yang Dilindungi dan Takafulink Wanita dengan kadar penurunan berkala ke atas Jumlah Asas Yang Dilindungi.

NOTA:

* Ciri-ciri tersebut adalah atas pilihan pemohon apabila pemohon bersetuju untuk menyertai pelan perlindungan ini.

Bagaimana TAKAFULINK WANITA Dapat Memberi Manfaat Kepada Anda?

- Pelan ini memberikan anda **Manfaat Kematian dan Hilang Upaya Keseluruhan dan Kekal²** yang dijamin. Sekiranya berlaku Kematian dan Hilang Upaya Keseluruhan dan Kekal, Jumlah Asas Yang Dilindungi dan **Akaun Pelaburan Peserta³ (APRP)** akan dibayar dan perlindungan akan tamat.
- Perlindungan 24-jam di seluruh dunia.
- Pembuatan caruman yang berpatutan dilakukan secara bulanan, suku tahunan, setengah tahunan atau tahunan.
- Cara bayaran yang mudah: Tunai, Cek, Kad Kredit, Auto Debit, Mesin ATM Zurich Takaful, Pembayaran di Kaunter (Cawangan Zurich Takaful atau di Ibu Pejabat), BSN GIRO, Biro Angkasa, Perintah Arahan Tetap dari Bank, Sistem Potongan Gaji, Perbankan Internet dan fasiliti e-Pembayaran.
- Caruman yang dibuat memenuhi syarat pelepasan cukai peribadi bagi takaful keluarga atau insurans hayat anda yang lain. Jumlah pelepasan cukai bagi setiap individu tertakluk kepada keputusan muktamad Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN).
- Perkongsian Lebihan – Setiap Peserta layak berkongsi lebihan sekiranya ada, daripada Akaun Pelaburan Risiko Peserta⁴ (APRP) dengan Pengendali Takaful berdasarkan kepada nisbah perkongsian 50:50 berdasarkan kontrak Hibah (hadiah).
- 100% keuntungan pelaburan selepas cukai, ditolak dengan Yuran Wakalah Tharawat (Yuran Pengurusan Dana) akan kekal di dalam APP untuk manfaat Peserta. Tiada perkongsian ke atas sebarang keuntungan yang ada di dalam APP dengan Pemegang Saham.

NOTA:

- ¹ Tidak termasuk bagi Pelan Perlindungan Wanita Hamil. Sila rujuk kepada Manfaat Takafulink Wanita.
- ² Manfaat Kematian dan Hilang Upaya Keseluruhan dan Kekal adalah dijamin, dengan syarat baki di dalam APP adalah mencukupi untuk membayar potongan Tabarru'. Tabarru' bermaksud menderma jumlah yang telah dipersetujui oleh Peserta untuk membantu Peserta lain yang menyertai Pelan Takaful untuk membayar manfaat Takaful.
- ³ Akaun Pelaburan Peserta (APP) adalah akaun pelaburan individu yang bertujuan untuk menjana keuntungan. Nilai APP adalah berdasarkan kepada prestasi sebenar dan ianya tidak dijamin.
- ⁴ Akaun Pelaburan Risiko Peserta (APRP) adalah dana risiko di mana derma itu akan dikreditkan dan dilaburkan berlandaskan Syariah oleh Pengendali Takaful.

Kelayakan

- **Orang Yang Dilindungi:** Sesiapa sahaja yang berumur di antara 16 tahun sehingga 69 tahun.
- **Peserta/Pemohon:** Sesiapa sahaja yang berumur di antara 18 tahun ke atas.

Model Wakalah

Zurich Takaful beroperasi di bawah prinsip Wakalah di mana Pengendali Takaful selaku agen mengendalikan operasi perniagaan Takaful kepada Peserta. Yuran Wakalah akan dikenakan sekali bersama dengan caruman yang dibuat. Jumlah Tabarru' akan dimasukkan ke dalam APRP dimana ia akan digunakan untuk membantu Peserta lain berdasarkan Konsep Takaful. Manfaat akan dibayar daripada APRP hanya untuk kerugian yang dilindungi, dan bukanlah semasa sijil matang atau penyerahan sijil. Lebihan pada setiap akhir tahun kewangan (jika ada) akan dikongsi di antara Peserta dan Zurich Takaful mengikut nisbah 50:50 berdasarkan kontrak Hibah (hadiah). Keuntungan daripada pelaburan yang diperolehi daripada APP adalah berdasarkan kepada aset yang disandarkan dan Zurich Takaful akan mengenakan bayaran Yuran Wakalah Tharawat (Yuran Pengurusan Dana) untuk menguruskan aset tersebut. Risiko pelaburan di dalam APP ditanggung sepenuhnya oleh Peserta. 100% keuntungan pelaburan selepas cukai akan kekal di dalam APP untuk manfaat peserta. Tiada perkongsian ke atas sebarang keuntungan yang ada di dalam APP dengan pemegang saham.

Manfaat TAKAFULINK WANITA

Perlindungan



Anda boleh memilih jumlah perlindungan yang diperlukan, iaitu Jumlah Asas Yang Dilindungi. Jumlah ini boleh ditambah atau dikurangkan tertakluk kepada proses taja jamin semasa. Sekiranya berlaku Kematian sebelum umur 80 tahun, kedua-dua Jumlah Asas Yang Dilindungi dan baki di dalam APP akan dibayar. Sekiranya Hilang Upaya Keseluruhan dan Kekal dialami sebelum umur 70 tahun, kedua-dua Jumlah Asas Yang Dilindungi dan baki di dalam APP akan dibayar. Nilai APP akan berubah-ubah mengikut prestasi Dana Takafulink Wanita dan ianya tidak dijamin.

Akaun Pelaburan



Caruman anda selepas ditolak Yuran Wakalah akan diperuntukkan untuk APP, iaitu akaun pelaburan yang bertujuan untuk menjana keuntungan. Caruman anda akan dilaburkan ke Dana Syariah Zurich Takaful. Tabarru' bulanan akan dicajkan dari APP ke APRP. APRP adalah dana risiko terkumpul dimana para peserta akan membuat caruman berdasarkan Tabarru' (derma). Manfaat Kematian dan Hilang Upaya Keseluruhan dan Kekal adalah dibayar daripada dana ini. Akaun APP ini adalah tertakluk kepada Yuran Wakalah Tharawat (Yuran Pengurusan Dana) iaitu 1%-1.5% setahun bergantung kepada jenis dana. Pada usia matang pada umur 80 tahun, APP akan dibayar kepada Peserta.

Perlindungan Penyakit Wanita*



NOTA:

* Manfaat ini adalah dijamin.

- a. Kanser Wanita (Payudara, Uteri, Serviks, Tiub Fallovia, Vulva/ Vagina, Ovari)
- b. Karsinoma In-Situ Wanita di Payudara dan Uteri Serviks
- c. Systemic Lupus Erythematosus (SLE) dengan Lupus Nefritis
- d. Fibroid
- e. Sista Ovari
- f. Squamous Intraepithelial Lesion Gred Tinggi (HSIL) dengan Dysplasia yang teruk
- g. RM100 Pemeriksaan Kesihatan Wanita Tahunan (Pembayaran Balik)
 - Pap-Smear
 - Mammogram
 - Pelvis Ultra Sound
 - Ujian Darah
- h. Pembedahan rekonstruktif muka akibat kemalangan
- i. Pemindahan kulit akibat terbakar dan Kanser Kulit
- j. Pembedahan rekonstruktif payudara akibat kemalangan dan kanser
- k. Keretakan tulang akibat osteoporosis
- l. Arthritis Reumatoid Dengan Komplikasi

Perlindungan Wanita Hamil* (Manfaat Tambahan Pilihan)



NOTA:

Orang Yang Dilindungi berumur 46-69 adalah tidak layak untuk dilindungi dibawah Pelan Perlindungan Wanita Hamil.

* Manfaat ini adalah dijamin.

- a. Elaun Kelahiran – 1% daripada Jumlah Perlindungan manfaat tambahan atau RM500, yang mana lebih rendah, maksimum 3 kelahiran anak dan hanya untuk anak-anak yang hidup sekurang-kurangnya 30 hari.
- b. Kematian Ibu Akibat Kelahiran
 - i. Perlindungan Takaful – sehingga 200%
- c. Manfaat Kemasukan Hospital Akibat Komplikasi Kehamilan
 - i. Penyebaran Penggumpalan Intravaskular
 - ii. Kehamilan Ektopik
 - iii. Lahir Mati
 - iv. Kematian Neonatal
 - v. Mol Hidatidiform (Kehamilan Molar)
 - vi. Eklampsia
- d. Penyakit Kongenital Bayi
 - i. Sindrom Down
 - ii. Spina Bifida
 - iii. Tetralogy Fallot
 - iv. Transposisi Pembuluh Utama
 - v. Kecacatan Ventrikular Septum
 - vi. Kecacatan Atrium Septum
- e. Manfaat Kemasukan Hospital sebanyak RM200 sehari akan dibayar dengan jumlah maksimum sebanyak 7 hari akibat komplikasi kehamilan.

Perlindungan Golden Wanita* (Manfaat Tambahan Pilihan)



NOTA:

* Manfaat ini adalah dijamin.

Faedah Hilang Upaya yang tetap akan dibayar sekiranya tidak berupaya untuk melakukan sekurang-kurangnya tiga (3) daripada Aktiviti Kehidupan Sehari-hari:

Aktiviti Kehidupan Sehari-hari

- a. Pemindahan
- b. Pergerakan
- c. Kontinens
- d. Pakaian
- e. Mandi/Bersihkan Diri
- f. Makan

Jumlah Fleksibiliti



Anda boleh memilih untuk berhenti membuat caruman anda dan tetap menikmati perlindungan bernilai Takafulink Wanita, selama mana unit-unit mencukupi dalam APP anda bagi membayar caj-caj APRP. Takafulink Wanita boleh menjadi milik anda melalui caruman serendah RM50 sebulan atau RM600 setahun. Anda mempunyai fleksibiliti bagi membuat caruman dalam bulanan, suku tahunan, setengah tahun atau tahunan.

Pilihan Yang Ada*



NOTA:

* Ciri-ciri tersebut adalah atas pilihan pemohon apabila pemohon bersetuju untuk menyertai pelan perlindungan ini.

Pilihan 1

Tempoh Fleksibel

Takafulink Wanita menawarkan tempoh perlindungan yang fleksibel. Kami menawarkan tempoh perlindungan fleksibel dari tempoh selama 20 tahun sehingga umur matang iaitu pada umur 80 tahun. APP akan dibayar setelah sijil matang.

Pilihan 2

Kenaikan secara berkala ke atas Jumlah Asas Yang Dilindungi

Dengan Takafulink Wanita, bermula dari tahun sijil ke-2 sehingga sijil matang, Jumlah Asas Yang Dilindungi akan meningkat secara berkala pada kadar 1% setahun daripada Jumlah permulaan Asas Yang Dilindungi.

Pilihan 3

Penurunan secara berkala ke atas Jumlah Asas Yang Dilindungi

Dengan Takafulink Wanita, bermula dari tahun sijil ke-2, Jumlah Asas Yang Dilindungi akan menurun secara berkala pada kadar 1% setahun daripada Jumlah permulaan Asas Yang Dilindungi. Corak penurunan ini akan tamat sebaik sahaja Jumlah Asas Yang Dilindungi mencapai 50% daripada Jumlah permulaan Asas Yang Dilindungi. Seterusnya, Jumlah Asas Yang Dilindungi akan kekal pada tahap 50% sehingga sijil matang.

Pilihan Dana

Anda mempunyai pilihan untuk memilih mana-mana Dana Syariah Zurich Takaful yang bersesuaian dengan tujuan pelaburan dan tahap toleransi risiko anda:

1

Dana Syariah Growth Zurich Takaful

- Dana ini bertujuan untuk menyediakan pertumbuhan modal dalam jangka masa sederhana hingga panjang.
- Sesuai bagi pelabur yang mempunyai toleransi risiko yang tinggi.

2

Dana Syariah Income Zurich Takaful

- Dana ini bertujuan untuk menyediakan tahap pulangan pendapatan yang stabil.
- Sesuai bagi pelabur yang mempunyai toleransi risiko yang rendah dan sederhana.

3

Dana Syariah Balanced Zurich Takaful

- Dana ini bertujuan untuk menyediakan pendapatan yang stabil dan potensi peningkatan modal dalam jangka masa sederhana hingga panjang.
- Sesuai bagi pelabur yang mempunyai toleransi risiko yang sederhana dan tinggi.

4

Dana Syariah Flexi Zurich Takaful

- Dana ini bertujuan untuk menjana potensi peningkatan modal dalam jangka masa sederhana hingga panjang yang dapat dicapai melalui fleksibiliti dalam peruntukan aset.
- Sesuai bagi pelabur yang mempunyai toleransi risiko yang sederhana dan tinggi.

5

Dana Syariah Growth 2 Zurich Takaful

- Dana ini bertujuan untuk menyediakan pertumbuhan modal dalam jangka masa sederhana hingga panjang.
- Sesuai bagi pelabur yang mempunyai toleransi risiko yang tinggi.

6

Dana Syariah Income 2 Zurich Takaful

- Dana ini bertujuan untuk menyediakan tahap pulangan pendapatan yang stabil.
- Sesuai bagi pelabur yang mempunyai toleransi risiko yang rendah dan sederhana.

7

Dana Syariah Balanced 2 Zurich Takaful

- Dana ini bertujuan untuk menyediakan pendapatan yang stabil dan potensi peningkatan modal dalam jangka masa sederhana hingga panjang.
- Sesuai bagi pelabur yang mempunyai toleransi risiko yang sederhana dan tinggi.

8

Dana Syariah Flexi 2 Zurich Takaful

- Dana ini bertujuan untuk menjana potensi peningkatan modal dalam jangka masa sederhana hingga panjang yang dapat dicapai melalui fleksibiliti dalam peruntukan aset.
- Sesuai bagi pelabur yang mempunyai toleransi risiko yang sederhana dan tinggi.

9

Dana Syariah Global Edge Zurich Takaful

- Dana ini bermatlamat untuk memberi peningkatan modal dalam jangka masa panjang dengan melabur dalam dana dagangan bursa (ETF) yang menjejaki prestasi indeks (MSCI World Islamic) terdiri daripada syarikat-syarikat negara maju yang mematuhi prinsip pelaburan Syariah.
- Sesuai bagi pelabur yang mempunyai toleransi risiko yang tinggi.

Yuran & Bayaran TAKAFULINK WANITA

Tabarru':

Berdasarkan umur, jantina, Jumlah Asas Yang Dilindungi dan caruman tambahan jika perlu.

Yuran Sijil:

RM6 setiap bulan untuk cara pembayaran selain daripada tunai atau cek.

RM7 setiap bulan untuk pembayaran melalui tunai atau cek.

Amaun Yuran Sijil yang akan ditolak adalah bergantung kepada cara pembayaran sebenar untuk bulan tersebut.

Yuran Penukaran/ Penukaran Arah Caruman:

TIADA bayaran untuk penukaran dana/penukaran arah caruman sepanjang tahun sijil.

Yuran Penguatkuasaan Semula:

RM50 bagi setiap Penguatkuasaan Semula.

Yuran Wakalah Tambah Nilai Lazim dan Tambah Nilai Bukan Lazim:

5% daripada jumlah Tambah Nilai Lazim dan Tambah Nilai Bukan Lazim.

Yuran Perkhidmatan Tambah Nilai Bukan Lazim:

RM25 bagi setiap Tambah Nilai Bukan Lazim.

95% daripada jumlah peruntukan Tambah Nilai Bukan Lazim ditolak dengan RM25 disediakan untuk pelaburan di dalam APP.

Bayaran Serahan:

TIADA

Yuran Wakalah Tharawat (Yuran Pengurusan Dana):

1% - 1.5% secara tahunan, akan ditentukan berdasarkan purata wajaran ke atas jumlah (Yuran Pengurusan Dana) aset kasar bagi setiap Dana Syariah Zurich Takaful.

Caj Pengeluaran Separata:

RM50 setiap pengeluaran.

Yuran Wakalah¹

Tahun Sijil	Yuran Wakalah ² (%)
1	60
2	60
3	50
4	30
5	20
6	20
Seterusnya	0
Jumlah	240

Tiada caj akan dikenakan ke atas bayaran penuh. Pengeluaran separa atau penyerahan sepenuhnya boleh dilakukan dengan menebus unit di dalam APP. Jumlah APP akan turun naik berdasarkan prestasi Dana Syariah Zurich Takaful dan ianya tidak dijamin.

Yuran dan caj adalah tertakluk kepada semakan dari semasa ke semasa oleh Pengendali Takaful. Pengendali Takaful mempunyai hak untuk menyemak yuran dan caj dengan memberi Peserta notis bertulis 3 bulan sebelum sebarang perubahan dilakukan.

NOTA:

- ¹ Yuran Wakalah adalah bermaksud yuran yang dikenakan oleh Pengendali Takaful selaku agen mengendalikan operasi perniagaan Takaful kepada Peserta.
- ² Tambahan 2% Yuran Wakalah akan dikenakan bagi bayaran melalui Biro Angkasa. Semua caruman dan yuran yang tertera di dalam dokumen ini mungkin tertakluk kepada cukai atau levi kerajaan yang lain.

Peruntukan Caruman TAKAFULINK WANITA

Caruman yang dibuat adalah berdasarkan jumlah peruntukan seperti berikut:
(contoh adalah berdasarkan caruman tahunan sebanyak RM1,000)

Tahun	1	2	3	4	5	6	Seterusnya
Jumlah Caruman (RM)	1,000	1,000	1,000	1,000	1,000	1,000	1,000
Peruntukan Caruman (%)	40	40	50	70	80	80	100
Caruman Diperuntukkan (RM)	400	400	500	700	800	800	1,000
Yuran Wakalah (RM)	600	600	500	300	200	200	0

Caruman yang telah diperuntukkan, akan digunakan untuk membeli unit di Dana Syariah Zurich Takaful yang telah dipilih oleh anda. Berdasarkan contoh di atas, pada tahun ke-5, RM800 akan digunakan untuk membeli unit di mana beberapa unit akan ditolak untuk membayar yuran dan caj untuk sijil. Sebahagian daripada caruman yang tidak diperuntukkan digunakan untuk membayar komisen perantara.



Soalan-Soalan Lazim

1

Adakah saya layak untuk menyertai pelan ini?

Semua wanita yang berumur 16 tahun hingga 69 tahun layak untuk dilindungi di bawah pelan ini.

2

Bilakah perlindungan saya akan bermula?

Perlindungan anda akan berkuatkuasa setelah pihak Pengendali Takaful meluluskan permohonan anda dan caruman telah dibuat.

Satu Sijil Takaful akan dikeluarkan untuk permohonan yang diluluskan.

3

Bagaimana dengan kadar caruman¹?

Anda boleh memiliki Takafulink Wanita dengan caruman serendah RM50 sebulan atau RM600 setahun. Anda diberi fleksibiliti untuk membuat caruman secara bulanan, suku tahunan, setengah tahunan atau secara tahunan.

4

Bagaimana cara saya membuat caruman¹?

Anda boleh membayar dengan Tunai, Cek, Kad Kredit, Auto Debit, Mesin ATM Zurich Takaful, Pembayaran di Kaunter (Cawangan Zurich Takaful atau di Ibu Pejabat), BSN GIRO, Biro Angkasa, Perintah Arahan Tetap dari Bank, Sistem Potongan Gaji, Perbankan Internet dan fasiliti e-Pembayaran.

5

Apakah pilihan yang disediakan?

Anda boleh memberhentikan caruman lazim anda melalui pemberhentian caruman dan masih menikmati Perlindungan Takafulink Wanita selagi baki di dalam APP masih mencukupi untuk membayar Tabarru'. Sekiranya jumlah APP tidak cukup untuk membayar Tabarru', Sijil Takaful akan tamat. Sijil Takaful boleh dikuatkuasakan semula dengan membayar Yuran Penguatkuasaan Semula sebanyak RM50.

NOTA:

¹ Sila rujuk kepada Perancang Kewangan Zurich untuk maklumat lebih lanjut.

Takafulink Wanita memberikan anda tambahan fleksibiliti kepada tambah nilai di atas dasar yang tetap dengan Takaful Saver, yang mana bermula serendah RM10 sebulan, dan pada masa yang sama memberikan 95% peruntukan caruman. Anda juga mempunyai fleksibiliti untuk melakukan tambah nilai (bukan lazim) kepada pelaburan anda pada bila-bila masa dengan jumlah minimum sebanyak RM500 pada 95% peruntukan caruman, dengan yuran tambahan sebanyak RM25. Kemudahan tambah nilai disediakan untuk memaksimumkan pelaburan anda.

Tambahan pula, anda juga mempunyai kemudahan untuk memindahkan semua atau sebahagian daripada jumlah peruntukan unit di dalam APP ke Dana Syariah Zurich Takaful yang tertentu kepada Dana Syariah yang lain. Anda juga boleh memilih untuk menukar pilihan dana yang mana caruman akan datang diperuntukkan ke dalamnya. Kemudahan-kemudahan ini disediakan untuk anda secara percuma.

Anda boleh membuat pengeluaran separa pada bila-bila masa, tertakluk kepada pengeluaran minimum berjumlah RM500 dan baki minimum sebanyak RM1,000 dalam APP tertakluk kepada bayaran bagi pengeluaran separa sebanyak RM50.

6 Bagaimana cara saya membuat tuntutan di atas Sijil Takaful?

Apabila berlaku tuntutan Kematian, anda hanya perlu maklumkan Pengendali Takaful secara bertulis tentang hal tuntutan yang ingin dikemukakan dan kami akan menghantar Borang tuntutan yang perlu kepada anda. Makluman bertulis mesti dibuat dalam masa 90 hari dari tarikh tuntutan.

NOTA:

¹ Sila rujuk kepada Perancang Kewangan Zurich untuk maklumat lebih lanjut.

7

Bolehkah saya menyerahkan Sijil Takaful saya?

Ya, anda boleh menyerahkan sijil anda. Jumlah APP akan dibayar apabila anda menyerahkan Sijil Takaful anda. Jumlah APP adalah tidak dijamin. Oleh itu, anda dianggap telah menamatkan Perlindungan Takaful anda dan tiada manfaat akan dibayar daripada APRP.

8

Adakah penalti akan dikenakan jika saya menyerahkan Sijil Takaful saya?

Tidak, tiada penalti akan dikenakan sekiranya ada menyerahkan Sijil Takaful anda.

9

Bagaimanakah dengan penilaian harga unit?

Harga unit dinilai pada akhir setiap hari perniagaan. Hanya diperolehi dengan membahagikan Nilai Aset Bersih pada hari perniagaan sebelum Tarikh Penilaian dengan bilangan unit yang dikeluarkan bagi dana berkaitan pelaburan Dana Syariah Zurich Takaful.

10

Adakah manfaat tambahan boleh disertakan pada pelan Takafulink Wanita?

Terdapat pelbagai jenis Manfaat Tambahan untuk disertakan bersama Takafulink Wanita. Sila rujuk kepada Perancang Kewangan Zurich anda untuk maklumat lanjut.

11

Bolehkah Takafulink Wanita dengan Tempoh Fleksibel ditukar kepada pelan berkaitan pelaburan yang lain?

Ya, pada tarikh matang dan Orang Yang Dilindungi berumur kurang daripada 70 tahun, Orang Yang Dilindungi mempunyai pilihan untuk meneruskan dengan tempoh perlindungan baru atau Pelan Takafulink Series lain tanpa sebarang keterangan terhadap kebolehlindungan. Pilihan ini mesti dilaksanakan dalam tempoh 60 hari dari tarikh matang bagi Jumlah Asas Yang Dilindungi atau kurang daripada pelan semasa, sebaliknya keterangan terhadap kebolehlindungan diperlukan.

Pengecualian

Pengecualian untuk Manfaat Kematian

Kematian akibat membunuh diri dalam masa (1) satu tahun dari tarikh mula, atau penambahan di dalam Jumlah Perlindungan, yang mana lebih kemudian, sama ada Orang Yang Dilindungi siuman atau tidak siuman, akan menghadkan liabiliti Pengendali Takaful kepada jumlah Akaun Pelaburan Peserta (APP) pada tarikh kematian dan dikira mengikut harga unit pada Tarikh Penilaian yang seterusnya mengikut tarikh kematian.

Pengecualian untuk Manfaat Hilang Upaya Keseluruhan dan Kekal

- a. Mencederakan diri sendiri atau sebarang percubaan ke arahnya sewaktu siuman atau tidak siuman;
- b. Perkhidmatan tentera pada masa peperangan yang diisytiharkan atau tidak semasa berada di bawah arahan berupa peperangan atau pemulihan pemerintahan awam;
- c. Memasuki, beroperasi atau berkhidmat, menaiki di dalam atau di atas, menaiki atau membawa kecuali semasa Orang Yang Dilindungi berada di dalam pesawat udara yang dikendalikan oleh penerbangan penumpang komersial yang mengikut jadual penerbangan biasa atau melalui laluan penumpang yang tetap.

NOTA:

Pengecualian di atas tidak menyeluruh dan segala bentuk rujukan hendaklah dirujuk kepada klausa pengecualian di dalam Sijil Kontrak.

Undang-Undang Takaful

Industri Takaful di Malaysia tertakluk di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan Islam (IFSA) 2013 dan diselia oleh Bank Negara Malaysia. Para Pengendali Takaful perlu mematuhi Syariah, syarat-syarat Berkanun dan kawal selia yang ketat.

- a. Produk ini adalah produk Takaful dan ianya dirangka mengikut prinsip Syariah. Dana Syariah yang terlibat adalah Dana Syariah Growth Zurich Takaful, Dana Syariah Balanced Zurich Takaful, Dana Syariah Income Zurich Takaful, Dana Syariah Flexi Zurich Takaful, Dana Syariah Growth 2 Zurich Takaful, Dana Syariah Balanced 2 Zurich Takaful, Dana Syariah Income 2 Zurich Takaful, Dana Syariah Flexi 2 Zurich Takaful dan Dana Syariah Global Edge Zurich Takaful.
- b. Risiko pelaburan dalam APP akan ditanggung oleh peserta dan manfaat yang diperolehi mungkin bernilai kurang dari jumlah caruman yang dilaburkan ke dalam dana.
- c. Sijil Takaful ini tidak akan memberi apa-apa manfaat dari APRP sekiranya sijil diserahkan atau sijil matang.
- d. Manfaat dana pelaburan adalah berdasarkan prestasi sebenar dan tidak dijamin. Nilai dana akan bergantung kepada nilai pasaran semasa dan tidak dijamin. Nilai dana akan bergantung kepada nilai pasaran semasa dan dasar pelaburan dana-dana berkaitan. Prestasi dana yang lalu mungkin bukan satu panduan sebaiknya untuk prestasi masa depan, yang mungkin berlainan.
- e. Jika anda mendapati produk ini tidak sesuai atas apa jua sebab, anda berhak untuk memulangkan Sijil dibawah fasa tempoh bertenang kepada Pengendali Takaful dalam tempoh lima belas (15) hari dari tarikh penghantaran resit dokumen Sijil. Pengendali Takaful akan membayar balik:
 - (i) Caruman yang tidak diperuntukkan;
 - (ii) Nilai unit yang telah diperuntukkan (jika ada) pada harga unit pada tarikh penilaian berikutnya;
 - (iii) Sebarang caj takaful/yuran sijil yang telah ditolak, juga ditolak perbelanjaan yang mungkin telah ditanggung untuk Pemeriksaan perubatan ke atas Orang Yang Dilindungi/Peserta.
- f. Anda harus memastikan bahawa pelan ini merupakan pelan yang terbaik untuk memenuhi keperluan anda dan caruman yang dibuat adalah jumlah yang mampu anda bayar.
- g. Peruntukan Aset daripada Dana Syariah Zurich Takaful boleh berubah-ubah, bergantung kepada pandangan Pengurus Dana dan di dalam keadaan pasaran yang kurang menguntungkan, yang mana ianya adalah untuk manfaat pertumbuhan modal dan memelihara potensi hasil pelaburan pemegang unit.

- h. Untuk maklumat lanjut tentang harga dana harian, objektif dana dan peruntukan aset, sila layari www.zurich.com.my/FT/funds
- i. Penyertaan di dalam pelan Takaful adalah komitmen jangka panjang dan anda dinasihatkan untuk tidak menyertainya dalam jangka masa yang pendek kerana kos permulaan yang tinggi.
- j. Pemberhentian caruman akan menjerus kepada kebarangkalian untuk Sijil menjadi lupus sekiranya jumlah Tabarru' adalah lebih tinggi daripada jumlah di dalam APP.
- k. Peserta yang menyertai terlalu banyak "unit deducting riders" mungkin menghabiskan nilai di dalam APP.
- l. Jika Sijil ini ditamatkan pada tahun-tahun awal, anda mungkin mendapat jumlah yang kurang daripada jumlah caruman yang dibuat.
- m. Risalah ini adalah hanya untuk memberi maklumat ringkas berkenaan Pelan Takafulink Wanita. Risalah ini juga bukanlah menjadi asas untuk Sijil Takaful atau pun kontrak. Maklumat di dalam risalah ini mungkin ditukar tanpa diberitahu dengan lebih awal. Untuk maklumat lanjut mengenai terma dan syarat, sila rujuk kepada dokumen sijil dan ilustrasi jualan.
- n. Sekiranya Perancang Kewangan Zurich telah menamatkan perkhidmatan dengan Pengendali Takaful, Pengendali Takaful haruslah melantik Perancang Kewangan Zurich baru kepada peserta untuk membuat bayaran seterusnya kepada Pengendali Takaful.
- o. Sekiranya caruman tidak dibuat mengikut tempoh yang ditentukan, jumlah Tabarru' anda akan ditolak secara automatik daripada APP ke APRP sehingga APP tidak lagi mencukupi dan Sijil Takaful akan lupus. Tempoh Ihsan selama tiga puluh satu (31) daripada tarikh yang ditentukan akan diberi untuk anda membuat bayaran.
- p. Pelan ini direka untuk caruman yang perlu dibuat secara tetap sehingga umur 80 tahun atau tempoh pilihan, mana-mana lebih awal.
- q. Maklumat yang diberikan di dalam risalah ini adalah sah pada masa percetakan.
- r. Semua caruman dan yuran yang tertera di dalam dokumen ini mungkin tertakluk kepada cukai atau levi kerajaan yang lain.
- s. **Ini adalah produk Takaful yang terikat dengan prestasi aset asas, dan bukan produk pelaburan sebenar seperti unit amanah.**

Untuk maklumat dan bantuan lanjut mengenai **Takafulink Wanita**, sila hubungi **Perancang Kewangan Zurich** atau **Pusat Panggilan Zurich** di **1-300-888-622** atau e-mel kami di callcentre@zurich.com.my

TAKAFULINK WANITA

You are the pillar of love, as a mother, a wife, a daughter, a companion and the list goes on.

You are cherished, admired and respected for your courage and determination in each and every role, challenge and hardship of life. You deserve to be rewarded with the best protection and coverage which gives every woman the essential finance relief and assistance.

The One And Only TAKAFULINK WANITA

Takafulink Wanita is a Regular Contribution Investment-Linked Plan that expires at Person Covered's age¹ 80. It is a unique product that offers both protection and investment benefits. A portion of your regular contributions is allocated to buy units in any of the Zurich Takaful Shariah Funds of your choice. The value of Takafulink Wanita certificate depends on the performance of your chosen funds.

With Takafulink Wanita there are 3 options* available for the customer — Takafulink Wanita with Flexible Term, Takafulink Wanita with Increasing Basic Sum Covered or Takafulink Wanita with Decreasing Basic Sum Covered.

NOTE:

* This feature is optional to the customer at the point of inception.

